



Rujukan Kami : PTG/PP/AUD/206 (44)
Tarikh : 15 April 2022

SEMUA PENTADBIR TANAH DAERAH

Tuan/Puan,

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN PULAU PINANG BILANGAN 7/2022 ULASAN JABATAN TEKNIKAL BAGI PERMOHONAN TANAH DI KAWASAN PENEMPATAN TERANCANG YANG DITETAPKAN BAGI TUJUAN KEDIAMAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Arahan ini dikeluarkan sebagai panduan kepada semua warga kerja pentadbiran tanah di Negeri Pulau Pinang mengenai keperluan ulasan jabatan teknikal bagi permohonan tanah di kawasan penempatan terancang yang ditetapkan bagi tujuan kediaman.
3. Berdasarkan pemerhatian pentadbiran ini melalui kertas-kertas pertimbangan permohonan tanah dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri Pulau Pinang (MJTN) untuk tujuan kediaman di kawasan penempatan terancang seperti di perkampungan baru dan kawasan penempatan semula, didapati kebanyakan kertas pertimbangan masih mengandungi ulasan daripada jabatan teknikal.
4. Kawasan penempatan terancang merupakan tapak yang telah diplotkan/disusun untuk tujuan kediaman. Bagi mempercepatkan tempoh memproses permohonan tanah, tiada keperluan bagi mendapatkan ulasan daripada jabatan-jabatan teknikal bagi permohonan tanah di kawasan penempatan terancang atau tapak yang telah diplotkan/disusun disebabkan kawasan-kawasan ini telah ditetapkan untuk tujuan kediaman dan memadai ulasan daripada YB ADUN Kawasan dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) sahaja.
5. Arahan ini adalah selari dengan keputusan MJTN Bilangan 15/2021 bertarikh 17.12.2021 dan berkuat kuasa serta merta. Sehubungan dengan itu, semua Pentadbir Tanah adalah diminta mengambil tindakan sewajarnya dalam mematuhi Arahan ini.

...2/-


Sekian, terima kasih.

'WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

'CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS'

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' HAJI ZULKIFLI BIN LONG)

Pengarah Tanah dan Galian

Pulau Pinang

e.d. Timbalan Pengarah (Perancangan dan Pembangunan)

Timbalan Pengarah (Pendaftaran dan Hasil)

Ketua Unit Hakmilik Strata

Ketua Unit Pembangunan

Ketua Unit Pendaftaran Hakmilik

Ketua Unit Teknologi Maklumat

Ketua Unit Penguatkuasaan dan Teknikal

Ketua Unit Khidmat Pengurusan

Ketua Unit Perundangan

Ketua Unit Audit Pengurusan

Ketua Unit Hasil

SENARAI EDARAN

1. Pentadbir Tanah Daerah Seberang Perai Selatan
Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan
14200 Sungai Jawi
Pulau Pinang
2. Pentadbir Tanah Daerah Timur Laut
Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut
Tingkat 50 dan 51, KOMTAR
10000 George Town
Pulau Pinang
3. Pentadbir Tanah Seberang Perai Tengah
Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Tengah
Jalan Betek, Sungai Rambai
14000 Bukit Mertajam
Pulau Pinang
4. Pentadbir Tanah Daerah Seberang Perai Utara
Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara
Bertam, 13200 Kepala Batas
Pulau Pinang
5. Pentadbir Tanah Daerah Barat Daya
Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya
11000 Balik Pulau
Pulau Pinang